

Agro
@com

PASARAN
ORKID
DIMONOPOLI
SINGAPURA

»8

Industri orkid tempatan berpotensi untuk berkembang dan melahirkan usahawan tetapi pengusaha orkid mengeluh dengan situasi semasa

**PACU INDUSTRI
ORKID**

agro

FAKTA

Menurut Jabatan Perdagangan Thailand jumlah keseluruhan import serta eksport bunga keratan orkid dan anak benih di pasaran dunia pada tahun 2007 hingga 2012 bernilai hampir RM1.8 bilion

Malaysia cuma mencatatkan penguasaan dua peratus sahaja.

Orkid terus mendapat permintaan tinggi

SINONIM dengan ciri-ciri kemewahan dan eksklusif, permintaan tinggi terhadap orkid tropika diterima dari seluruh pelosok dunia seperti Korea, Amerika Syarikat, Eropah dan Asia Barat.

Orkid tropika mendapat permintaan kerana keunikan bunga tersebut daripada segi bentuk, warna, corak yang amat menarik untuk kegunaan industri perkhidmatan seperti perhotelan, kedai bunga selain digunakan untuk majlis seperti perkahwinan, upacara keagamaan dan keramaian.

Pasaran orkid sama ada tempatan atau antarabangsa terbahagi kepada dua kategori utama iaitu sebagai bunga keratan dan pokok hiasan.

Malaysia adalah antara negara kaya dengan kepelbagaian biologi yang mempunyai koleksi beribu spesies tempatan yang unik dan eksotik.

Aktiviti penyelidikan sebagai contoh yang memanfaatkan penggunaan bioteknologi serta pembaikbakaan mampu menghasilkan pelbagai jenis orkid baharu dan hasil tersebut mampu menjadikan Malaysia sebagai pengeluar orkid utama dunia.

Sebagai contoh, penyelidikan mengenai teknologi kacukan benih orkid telah membuka jalan kepada pembangunan teknik kultur tisu. Selain itu penghasilan baka klon dapat meningkatkan jumlah atau variasi bekalan anak benih kepada pengusaha komersial.

Justeru, bagi **Abdul Razak Mohd. Isa**, untuk menguasai pasaran dunia pengusaha tempatan perlu proaktif terlibat dalam industri tersebut. Mereka boleh menjalankan kajian untuk menghasilkan produk baru yang berkualiti serta meneroka pasaran baru tanpa terlalu bergantung kepada pihak ketiga.

Ini hanya akan dapat terlaksana

melalui kerjasama dengan pihak Kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang berperanan memastikan industri orkid berkembang pesat dan menguasai pasaran dunia secara langsung.

Untuk tujuan itu, negara perlu mencontohi industri orkid di Thailand dan Taiwan yang sudah 30 tahun membina nama selain menjadi pengeksport utama ke seluruh dunia.

Industri di Thailand dan Taiwan malah Singapura itu disokong penuh oleh kerajaan melalui pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) khas untuk membangun produk baru dan penyediaan pusat florikultur untuk tanaman komersial berskala besar.

Selain itu keistimewaan dan kemajuan industri orkid di negara tersebut adalah dipacu oleh perhatian khusus kerajaan mereka.

Ini dilakukan menerusi penyediaan pembiayaan pinjaman serta sokongan dalam pelbagai bentuk.

Abdul Razak berkata, satu lagi contoh negara Asia yang berjaya dalam industri orkid melalui kerjasama erat antara pihak kerajaan dan usahawan ialah Taiwan. Negara berkenaan kini merupakan pengeluar utama dan mengeksport hampir 90 peratus orkid varieti Phalaenopsis ke seluruh dunia.

Dalam pada itu di peringkat tempatan pula negeri Sabah, Pahang, Perak dan Sarawak juga mempunyai spesies orkid yang unik dan eksotik.

Malah, sekiranya dikacukkan akan menghasilkan varieti baru yang lebih menarik dan unik sekali gus menjadikan negara ini tumpuan utama dunia.

Malaysia memiliki keistimewaan anugerah Ilahi yang tidak terdapat di negara-negara lain dunia iaitu iklim serta lokasi geografi yang sesuai untuk penanaman bunga orkid sepanjang tahun dalam skala yang besar untuk pasaran tempatan dan dunia.



ABDUL RAZAK MOHD. ISA

Orkid tempatan lesu berdepan cabaran?

Masih ketinggalan dan hilang nilai ekonomi serta tidak dikenali di pasaran antarabangsa

LAPORAN khas mini ini meninjau peluang yang ditawarkan dalam industri tanaman orkid tetapi pengusaha tempatan berdepan cabaran yang menuntut kesungguhan untuk berjaya. Ikut kupasan ringkas wawancara AQILAH MIOR KAMARULBAID

TANPA perlu pengenalan, seluruh dunia mengenali bunga orkid. Orkid juga diminati oleh pelbagai lapisan masyarakat serta mempunyai nilai komersial dan mendapat permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negara.

Orkid seperti Mokara, Vanda, Dendrobium, Phalaenopsis, dan Oncidium ialah sebahagian varieti orkid yang mendapat sambutan di seluruh dunia.

Dalam masa yang sama, orkid menjadi salah satu industri yang menyumbang kepada ekonomi di kebanyakan negara Asean.

Industri orkid tempatan melalui perjalanan yang panjang dan telah berkembang daripada hanya sebagai tanaman koleksi bunga sebagai hobi

Laporan KHAS Mega

kepada pasaran komersial yang berskala besar untuk pengeluaran sebagai bunga keratan dan tanaman hiasan.

Potensi industri orkid tempatan adalah besar tetapi malangnya tidak ramai pengusaha tempatan dan bumiputera yang

berani menceburi peluang perniagaan tersebut kerana, terlalu banyak rintangan yang perlu dihadapi. Antaranya adalah keperluan modal yang mencukupi serta penguasaan pasaran yang setakat ini masih dikawal oleh pengusaha luar negara seperti Singapura, Thailand dan Taiwan.

Mengeluh tetapi itulah realitinya. Berpotensi besar untuk dibangunkan sekali gus menaikkan nama Malaysia sebagai antara pengeluar orkid terbesar dunia.

Kurang penyelidik punca pasaran orkid tenggelam

GAH, mewah, istimewa... itulah orkid sebagaimana yang dikenali dan popular dalam kalangan penggemar bunga-bunga eksotik.

Namun ramai yang tidak mengetahui spesies orkid semakin terancam apabila ada pihak yang tidak bertanggungjawab memperkenalkan produk tersebut di pasaran gelap untuk mengaut keuntungan memandangkan ia mampu memberi pendapatan lumayan.

Difahamkan terdapat lebih 5,000 spesies orkid di Malaysia yang tumbuh di kawasan-kawasan tertentu di negara ini, terutamanya di kawasan tanah tinggi.

Orkid memang terkenal dalam kalangan penanam, pengumpul atau peminat yang sentiasa mencari spesies atau varieti baru untuk diketengahkan, selain rahsia keunikan dan keistimewaan tumbuhan itu.

Orkid liar mudah didapati di kawasan hutan tanah tinggi dengan di mana persekitaran udara sejuk dan lembap tanpa banyak pencahayaan selain faktor kelembapan tinggi dan suhu rendah di kawasan hutan tanah tinggi menyebabkan lantai hutan dan batang-batang pokok yang diselaputi lumut dan membolehkan orkid tumbuh dan berbunga dengan baik.

Contoh terdekat ialah di Cameron Highlands iaitu tanah tinggi yang popular dengan ladang teh dan penanam pelbagai jenis bunga serta pembekal sayuran ke kawasan tanah rendah seperti Kuala Lumpur.

Walaupun ramai dalam kalangan kita mempunyai hobi mengumpul orkid, namun ramai juga yang tercabar oleh kesabaran untuk menjaga orkid itu hingga berbunga.

Orkid, sebagaimana yang kita kenali merupakan bunga yang cukup istimewa dan popular dalam kalangan penggemar bunga-bunga eksotik yang hadir dalam pelbagai bentuk, saiz dan warna-warna yang memikat.

Pensyarah Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya **Dr. Rusea Go** berkata, amat sayang sekali kerana Malaysia kekurangan penyelidik untuk mengkaji tanaman tumbuhan tersebut bagi menghasilkan orkid kacukan yang lebih menarik, cantik serta memiliki keistimewaan tersendiri.

Di Malaysia, penghasilan hibrid baru diusahakan oleh pemilik nurseri yang merupakan penggemar orkid.

Kekurangan dana dan infrastruktur yang berpatutan merupakan kekangan utama kepada penyelidik untuk

memajukan industri florikultur di negara ini.

Malah, penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang ingin dilakukan sering kali mencapai kegagalan apabila kawasan tersebut sering menjadi mangsa pelancong atau mereka yang secara langsung mencari spesies bunga-bunga orkid baharu untuk dikacukkan lalu dijual di pasaran gelap.

Sebagai sebuah negara yang memiliki kepelbagaian spesies orkid yang tinggi adalah sesuatu yang merugikan apabila tiada tumpuan diberikan kepada industri tanaman hiasan tersebut.

Untuk tujuan itu pengusaha memerlukan bantuan kerajaan dan dan kerjasama pihak swasta dan pemilik nurseri perseorangan. Ini juga mengelakkan spesies orkid liar dibawa keluar dari negara ini.

Sehingga 2008 eksport orkid Malaysia ke Singapura bernilai RM11 juta sementara ke negara-negara lain hanya RM1.5 juta.

Pada tahun 2004 hingga 2007 pasaran eksport orkid ke Singapura adalah lebih tinggi berbanding pasaran Jepun, Belanda dan negara Eropah lain.

Thailand menguasai 28 peratus diikuti oleh Singapura 10 peratus dan Taiwan 10 peratus.



Namun, kerana tiada insentif serta galakkan, industri ini masih dikuasai pengusaha asing yang meragut kelebihan negara ini sebagai pengeluar orkid terbesar dan meletakkan Malaysia belakang negara Thailand, Singapura dan Taiwan.

Menurut seorang usahawan orkid dari Orchid Life Sdn. Bhd. Abdul Razak Mohd. Isa, orkid yang dieksport ke Singapura akan dijual semula kepada negara lain dengan nilai yang lebih tinggi dan tindakan ini menyebabkan hilang nilai ekonomi pada negara.

'Kebijaksanaan' Singapura mengambil peluang dan seterusnya menjadi orang tengah pasaran orkid Malaysia.

Ini menyebabkan negara itu lebih dikenali di pasaran antarabangsa sebagai salah sebuah negara pengeluar terbesar dunia sedangkan pada asasnya bunga tersebut adalah keluaran dari Malaysia.

Amat dikesalkan industri orkid merupakan lubuk emas serta berpotensi menaikkan nama negara dalam bidang pertanian tetapi tidak mendapat perhatian sewajarnya berbanding Singapura, Thailand dan Taiwan.

Singapura tidak mempunyai tanah atau harga aset itu terlalu mahal untuk aktiviti penanaman orkid. Oleh itu, adalah amat mustahil negara berkenaan dikenali

sebagai antara pengeluar orkid terbesar.

Hampir 85 peratus daripada pengeluaran orkid Singapura adalah di Malaysia yang kebanyakannya tertumpu di Johor menerusi penanaman kontrak atau dipunyai secara langsung oleh mereka.

Namun agak pelik apabila bekas Menteri Pembangunan Negara Singapura, Mah Bow Tan semasa ucapan perasmian Pertunjukan Orkid Singapura pada 2006 turut mengatakan negaranya merupakan pemain utama dalam industri orkid dengan jumlah eksport sebanyak RM80 juta ke 33 destinasi termasuk Jepun, Australia, Greece, Amerika Syarikat dan Belanda.

"Sejak dahulu lagi, keadaan masih berstatus quo dengan data dan maklumat membuktikan bahawa Malaysia masih bergantung kepada Singapura sebagai destinasi eksport utama tanpa ada inisiatif untuk membuka atau meneroka pasaran baru.

"Malaysia bukan sahaja kehilangan peluang untuk menjadi pengeluar orkid utama di dunia bahkan kehilangan peluang untuk merealisasikan nilai eksport sebenar yang mampu mencapai nilai ratusan juta jika eksport dan promosi dilakukan secara langsung dari negara ini" kata Abdul Razak.

pasti baka yang dihasilkan lebih banyak dengan menggunakan kaedah bioteknologi.

"Malah, melalui cara itu juga Malaysia akan dikenali sebagai pengeksport orkid terbesar di dunia," katanya.

Tambahnya, penggunaan bioteknologi amat berpotensi besar bagi industri orkid di negara ini untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi pada masa kini.

Terdapat satu pandangan meluas dalam kalangan para saintis bahawa dunia menyaksikan satu revolusi bio yang mengatasi revolusi lain dalam penggunaan sains biologi.

Menerusi perkembangan bioteknologi, orkid dapat dibiakkan secara semaian biji benih dan secara kultur tisu selain kaedah konvensional.



PENYELIDIKAN mengenai orkid dapat membantu meningkatkan industri bunga hiasan tersebut di negara ini.

Penemuan spesies baharu

SEJAK tahun 2000, banyak ekspedisi saintifik telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Akademi Sains Malaysia (ASM).

Dr. Rusea Go bersama pelajarinya telah menyertai 90 peratus menerusi semua ekspedisi itu.

Hasil penglibatannya dan kajian di kawasan hutan paya gambut, hutan batu kapur dan pergunungan, berjaya merekodkan lebih 30 spesies sebagai rekod baharu untuk Malaysia dan tiga spesies baharu untuk Sains.

Menurutnya, antara spesies rekod baharu yang ditemui ialah *Hymenochlis javanica* (Teijsm dan Binn) Schltr dan *Dendrobium corrugatilobum* J.J.Sm. spesies orkid endemik atau hanya direkodkan di Jawa, Indonesia.

Tiga spesies baru yang bakal diterbitkan tidak lama lagi adalah dari genus *Bulbophyllum*, *Corybas* dan *Vanilla*.

Penemuan spesies baharu dan rekod baharu tersebut menunjukkan

kajian diversiti orkid khususnya dan biodiversiti amnya masih kurang di negara kita.

Kajian ini makin menjadi kritikal memandangkan aktiviti pembalakan dan pembukaan hutan untuk perladangan semakin berleluasa yang mempunyai kesan langsung terhadap kemerosotan kepelbagaian biologi.

Kajian diversiti orkid dan pemeliharaannya memerlukan kerjasama erat pelbagai pihak termasuk penggemar dan peniaga orkid liar, kerajaan dan penyelidik.

Walaupun negara kita memiliki undang-undang yang melindungi semua kepelbagaian biologi seperti *National Biodiversity Policy* dan Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Mengenai Spesies Terancam (CITES), namun penguatkuasaan masih kurang, menyebabkan penjualan orkid liar merentasi sempadan antarabangsa berleluasa.

Kemasukan spesies orkid dari luar negara akan merumitkan lagi proses dokumentasi orkid asal di negara kita kerana Malaysia belum mempunyai senarai spesies orkid yang lengkap.

Masih banyak lagi inventori yang perlu dilakukan di hutan belantara yang belum pernah dijelajah di negara kita yang besar kemungkinan menyimpan banyak lagi spesies orkid yang baru untuk sains ataupun rekod baru untuk negara.

"Saya berharap kajian diversiti dan bioteknologi orkid asli di Malaysia akan terus maju dengan kerjasama semua pihak berkepentingan terutama para penggemar serta peniaga orkid liar dan agensi kerajaan.

"Kita perlu beringat, kekayaan sumber asli ini bukan hanya milik generasi kita, tetapi juga untuk generasi yang akan datang dan menjadi tanggungjawab untuk memelihara secara lestari," katanya.

DR. RUSEA GO antara penyelidik tempatan yang banyak menjalankan kajian mengenai orkid.



Pun begitu, alternatif lain yang boleh dimanfaatkan bagi memastikan industri tersebut terus maju dan berdaya saing adalah dengan penggunaan teknologi tinggi dan terkini.

Dalam pada itu, melalui teknologi terkini spesies orkid liar akan terus terpelihara dan orkid untuk tujuan komersial akan dapat dihasilkan pada skala yang lebih besar malah industri itu berdepan dengan saingan sengit dari negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Taiwan malah tidak ketinggalan Singapura.

Negara-negara tersebut katanya, memiliki kemajuan yang lebih baik dalam teknologi pengkulturan, pembiakan baka serta mampu memperbaiki kualiti baka yang dikeluarkan.

"Sekiranya kajian dan penyelidikan dilakukan dengan teknik yang betul,